

## **TERMA & SYARAT PENYERTAAN KEMPEN JOM POTONG 2026**

1. Terbuka kepada semua pembayar zakat melalui Skim PZB (pembayar baru dan yang menambah potongan) kecuali kakitangan PPZ-MAIWP dan ahli keluarga.
2. Peserta digalakkan menaksir pendapatan terlebih dahulu bagi mendapatkan jumlah potongan bulanan yang tepat.
3. Pemenang akan dipilih menerusi konsep cabutan secara rawak.
4. Keputusan pemilihan para pemenang adalah muktamad.
5. Pemenang akan dihubungi melalui e-mel, panggilan telefon atau paparan senarai nama di portal PPZ-MAIWP.
6. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PPZ-MAIWP.
7. PPZ-MAIWP berhak secara mutlak untuk menukar atau menggantikan hadiah lain dengan nilai yang setara dengannya tanpa perlu memberi apa-apa notis pertukaran tersebut.
8. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah jika berkenaan.
9. Semua hadiah mesti dituntut daripada Penganjur dalam masa 3 (tiga) bulan dari tarikh Hadiah disediakan untuk kutipan. Semua Hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.